

KENYATAAN MEDIA

MRT CORP MENGANUGERAHKAN TENDER BAGI KERJA PEMASANGAN TREK, KENDERAAN PENYELENGGARAAN DAN KERETA API KERJA

Kuala Lumpur, 24 Ogos 2016: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd ingin mengumumkan penganugerahan pakej kerja bagi pemasangan trek, kenderaan penyelenggaraan dan kereta api kerja untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) kepada syarikat usahasama CCCC-George Kent.

Pakej SSP-SY-204, bagi Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan bagi Kerja Pemasangan Trek, Kenderaan Penyelenggaraan dan Kereta Api Kerja telah dianugerahkan selepas satu mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehent *(One Stop Procurement Committee)* yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Pakej kerja ini bernilai RM1.01 bilion. Usahasama tersebut terdiri daripada China Communications Construction Company Ltd (CCCC) dan George Kent (Malaysia) Sdn Bhd. Dalam usahasama tersebut, CCCC memegang ekuiti sebanyak 51% manakala baki 49% ekuiti dipegang oleh George Kent.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar berkata pakej kerja ini adalah salah satu pakej kerja utama bagi pembinaan Laluan SSP.

"CCCC adalah sebuah syarikat yang dilengkapi dengan pengetahuan teknikal yang amat baik dalam pengendalian projek infrastruktur, termasuk pembinaan kereta api.

"Dengan usahasama tersebut, George Kent yang merupakan syarikat Malaysia yang kini sudah lama berkecimpung dalam industri kereta api di Malaysia, akan membolehkan Projek MRT memperolehi manfaat daripada kedua-dua syarikat yang berpengalaman ini," katanya.

Mengenai proses penilaian tender, Shahril berkata usahasama tersebut, yang merupakan salah satu daripada tujuh penender, telah memperolehi keputusan yang baik bagi bahagian penilaian teknikal.



Antara kriteria bagi penilaian teknikal adalah pematuhan kepada spesifikasi yang diperlukan oleh MRT Corp, cadangan kaedah kerja, tahap prestasi, rekod pencapaian, program-program kerja dan pematuhan kepada tarikh utama, pelan pelaksanaan projek, pelan penyelenggaraan, kualiti dan jaminan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar tapak kerja.

“Pemilihan tender yang berjaya adalah berdasarkan Penilaian Tender Terbaik, di mana tender yang berjaya tidak semestinya tender dengan harga yang paling rendah. Akan tetapi, bagi pakej kerja ini, saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa penender yang berjaya adalah penender yang telah memberi harga paling rendah,” katanya.

Shahril berkata bagi Laluan SSP, kesemua Kontraktor Pakej Kerja Sistem perlu memastikan 35% daripada kerja-kerja yang akan dilaksanakan dianugerahkan kepada syarikat Bumiputera.

“Ini merupakan satu peningkatan dari kontrak Sistem bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang di mana ianya adalah 30%,” ujarinya lagi.

Dengan penganugerahan ini, MRT Corp telah menganugerahkan sebanyak 22 pakej kerja bagi pembinaan Laluan SSP. Ini terdiri daripada lapan pakej kerja awalan, empat pakej kerja jejambat, satu pakej kerja bawah tanah, enam pakej kerja sistem, dua pakej pembekal yang ditetapkan, dan satu pakej kerja depoh.

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

*Mr Leong Shen-li
MRT Corp*

012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my

*Cik Amalina Ghazali
MRT Corp*

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my